



DABBE: THE POSSESSION (2013): KESESUAIAN TEMA FILEM DENGAN KREATIVITI SASTERA ISLAM

DABBE: THE POSSESSION (2013): THE COMPATIBILITY OF FILM THEMES WITH THE CREATIVITY OF ISLAMIC LITERATURE

* Muhammad Athari Basir

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu

* Corresponding author. E-mail: atharibasir@gmail.com

ABSTRACT

The producing of Islamic horror films has become a trend among film directors in Islamic countries. Although originally horror films were criticized for only focusing on paranormal entities and jump scare, but along with the era of horror films that incorporated Islamic elements and things related to it has the potential to be *wasilah dakwah*, in accordance with Islamic literary criteria. Even so, it is not an accurate benchmark as long as there are some vanities mixed together with the element of *haq* even though it is present from the art of the film director's creativity. Therefore, this paper aims to examine the accuracy of the art of Islamic literary creativity which is the basic proposal of Islamic literary criticism by Muhammad Qutb, against the three themes of the film Dabbe: The Possession (2013). This study is a qualitative study that uses descriptive methods of analysis, which is to collect data sourced from Al-Quran and Al-Hadith from Sahih Bukhari and others, if necessary, as well as analyze the themes in the film and categorize them using codes. The research data is discussed in detail to identify Islamic literary criticism and theme analysis with support from Al-Quran and Al-Hadith as prescribed. The study concludes that the three themes chosen to do not coincide with the art of Islamic literary creativity as suggested by Muhammad Qutb, as it has the potential to convey untrue beliefs to Muslim audiences.

Keywords: Critique of Islamic literature, Islamic literature, Islamic films, horror films, Islamic horror films



ABSTRAK

Pembikinan filem seram yang berunsurkan Islam telah pun menjadi trend dalam kalangan pengarah filem di negara-negara Islam. Walaupun pada asalnya filem seram dikecam kerana hanya memfokuskan kepada entiti para normal dan *jump scare*, namun seiring dengan zaman filem seram yang dimasukkan elemen Islam dan perkara yang berkaitan dengannya berpotensi menjadi wasilah dakwah, sesuai dengan kriteria sastera Islam. Meskipun begitu, ia bukanlah penanda aras yang tepat selagi mana wujudnya beberapa perkara batil yang dicampurkan bersama elemen *haq* walaupun ia hadir daripada seni kreativiti pengarah filem. Justeru itu, makalah ini bertujuan mengkaji ketepatan seni kreativiti sastera Islam yang merupakan cadangan dasar kritikan sastera Islam oleh Muhammad Qutb, terhadap tiga tema filem Dabbe: The Possession (2013). Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis deskriptif, iaitu mengumpul data-data yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis daripada Sahih Bukhari dan selainnya jika perlu, serta menganalisis tema dalam filem tersebut dan mengkategorikannya dengan menggunakan kod. Data kajian dibincangkan secara terperinci bagi mengenal pasti kritikan sastera Islam dan analisis tema dengan mendatangkan sokongan daripada Al-Quran dan Al-Hadis sebagaimana ditetapkan. Kajian merumuskan bahawa ketiga-tiga tema yang dipilih tidak bertepatan dengan seni kreativiti sastera Islam seperti yang dicadangkan Muhammad Qutb, kerana berpotensi menyampaikan fahaman yang tidak benar kepada para penonton Muslim khususnya.

Kata Kunci: Kritikan sastera Islam, sastera Islam, filem Islam, filem seram, filem seram Islam

Pendahuluan

Sehingga hari ini, pembikinan filem seram yang mengandungi elemen-elemen Islam atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya dilihat telah pun menjadi satu trend dalam dunia pembikinan filem seram. Trend tersebut masih diteruskan khususnya dalam kalangan pengarah filem di negara-negara Islam seperti Turki dan negara Timur Tengah, serta negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia (Muhammad Athari Basir, 2021).

Antara elemen-elemen Islam atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya adalah seperti kewujudan agamawan atau *rijal al-Din* yang menyelesaikan masalah sebagaimana dalam plot filem (Muhammad Walid Jida', t.th), gangguan jin dan syaitan, perletakkan tema permasalahan syirik dan pergantungan Muslim selain daripada Allah S.W.T, bacaan ayat rukyah yang diambil daripada Al-Quran dan Al-Hadis, perubatan Islam dan sebagainya.

Pada peringkat awal, lambakan filem seram di Malaysia khususnya telah mendapat kecaman daripada pelbagai pihak sama ada golongan profesional dan agamawan seperti mantan Perdana



Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Mufti Perlis Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (Siti Aisyah Hadi Munir & Muhammad Faisal Ashaari, 2015). Kecamatan tersebut berpaksikan kepada kemunduran masyarakat yang disebabkan unsur tahayul dalam filem seram dan penyebaran kesan negatif yang menyerang akidah masyarakat.

Hal ini disebabkan kepada fokus pembikinan filem seram pada ketika itu yang hanya mementingkan solekan hantu atau entiti para normal yang menakutkan atau babak *jump scare* yang mengejutkan sahaja. Namun seiring dengan zaman, fokus filem seram telah pun berubah kepada kekuatan tema dan plot yang menjadi tunjang utama sehinggalah membawa kepada kemasukan elemen-elemen Islam yang akhirnya memiliki potensi menyebarkan pengajaran dan nilai murni terhadap masyarakat, di samping menjadi wasilah dakwah yang menyentuh permasalahan akidah umat Islam tanpa mengetepikan elemen-elemen seram yang menjadi kebiasaan seperti kewujudan entiti para normal dan babak *jump scare*.

Kewujudan filem seram yang berunsurkan Islam ini tidak dilihat janggal dalam kalangan peminat naskhahnya, bahkan disambut baik sehingga membawa kelangsungan pembikinan filem seperti *sequel*, lanjutan filem, siri dan sebagainya. Perkara ini dibuktikan dengan dua siri filem seram yang terkenal di Turki seperti filem Dabbe dan Siccin yang memiliki enam siri, dan siri filem Munafik di Malaysia yang bakal hadir dengan pembikinan filemnya yang ketiga.

Walau bagaimanapun, kemasukan elemen-elemen Islam atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya ke dalam filem seram bukanlah sebuah kayu pengukur yang tepat dalam mendefinisikan ia sebagai salah satu daripada naskhah filem Islam. Meskipun kebanyakan filem tersebut sarat dengan tema dan elemen dakwah serta nilai-nilai murni Islam yang bermanfaat, namun wujud juga dalamnya kehadiran unsur-unsur yang bertentangan dengan syariat seperti babak pencampuran jantina yang bukan mahram, penggunaan dialog-dialog yang mengandungi unsur syirik dan pemujaan kepada jin dan syaitan, lakonan antagonis seperti bomoh dan pengamal ilmu hitam oleh pelakon Muslim dan sebagainya.

Perkara ini telah pun dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh Muhammad Muhaimin dan Rosmawati (2018) yang mengkaji filem Munafik (2018) dan Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi (2021) yang mengkaji filem Penunggang Agama (2021). Hasil kedua-dua kajian ini seiring dengan Naim Ahmad (2011) yang berpendapat bahawa filem-filem Islam perlulah digarap dengan baik agar tidak bercampur perkara yang *haq* dan *batil* dalam satu-satu masa.

Oleh yang demikian, pengkaji cuba melihat sejauh mana ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam sebagaimana yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb (t.th) dalam bukunya yang bertajuk *Manhaj Al-Fan Al-Islami* terhadap tema filem Dabbe: The Possession (2013), bagi melihat kebarangkalian filem tersebut mengandungi isu yang sama seperti dua kajian di atas.



Sorotan Kepustakaan

Filem Dabbe: The Possession merupakan siri filem Dabbe yang keempat, di mana filem tersebut diarahkan oleh Hasan Karacadag dan ditayangkan pada 2 Ogos 2013. Filem ini juga menggunakan tajuk yang lain iaitu Dabbe: Curse Of The Jinn. Kedua-dua tajuk filem ini jelas memberi gambaran awal mengenai plot filem ini yang berkaitan dengan jin.

Sungguh pun begitu, Vali Gjinali dan Elif Asude Tunca (2020) menyatakan bahawa rangkaian filem Dabbe ini diambil berdasarkan kepercayaan Muslim terhadap makhluk yang bernama Dabbe'tul Arz, di mana ia akan datang ke bumi dan memulakan Hari Kiamat. Dalam filem ini, Hasan Karacadag menjelaskan bahawa makhluk tersebut akan mendatangi manusia dalam pelbagai rupa bentuk, seperti radio, televisyen, bahkan internet.

Sebagaimana filem-filem terdahulu yang terdapat dalam siri Dabbe ini, filem ini juga menjadikan konsep 'rasukan jin' sebagai elemen penting. Walau bagaimanapun, konsep rasukan yang dilakukan oleh jin ke dalam badan manusia sehingga memaksa manusia tersebut melakukan perkara-perkara yang berbahaya mampu memberi suatu fahaman yang negatif terutamanya terhadap Islam.

Perkara ini dijelaskan oleh Deniz Faruk Erkan (2015) dalam mengulas pendapat beliau mengenai siri filem Dabbe yang ketiga, bertajuk Dabbe: A Case of Jinn yang ditayangkan pada 2012. Beliau menyatakan bahawa jin telah pun dijadikan sebagai aspek negatif dalam Islam sebagai makhluk yang menakutkan sebagaimana yang ditonjolkan dalam rangkaian filem Dabbe, sehingga menimbulkan rasa takut yang mendalam dalam minda sedar para penontonnya.

Sinopsis Filem Dabbe: The Possession (2013)

Pada mulanya, filem ini dilihat berkembang dengan tema ketidakpercayaan kepada entiti para normal seperti jin, di mana ia hanyalah kepercayaan karut kerana tidak dapat dibuktikan dengan bukti saintifik dan kajian ilmiah. Tema ini ditunjukkan oleh watak utama Dr. Ebru Karaduman, seorang ahli psikologi yang membuat kajian secara dokumentari bagi membuktikan rasukan dan proses membebaskan manusia daripadanya atau *exorcisms* ialah satu bentuk penipuan.

Bagi tujuan kajiannya, Ebru telah memilih Hoca Faruk Akat sebagai sampel kajian di mana beliau berkebolehan dalam membebaskan manusia daripada rasukan jin. Kebolehan Faruk ditunjukkan seawal filem, apabila beliau mengeluarkan segumpal rambut dari mulut pesakitnya yang dirasuki jin berusia 1300 tahun.

Walaupun bagaimanapun, Ebru tetap tidak mempercayai perbuatan Faruk bahkan menyatakan gumpalan rambut tersebut dibawa sendiri olehnya. Hal ini disebabkan perbuatan Faruk yang menyelubungi kepalanya dan kepala pesakitnya dengan kain sehingga tidak dapat dilihat oleh Ebru. Faruk menyatakan perbuatannya itu disebabkan jin memerlukan tempat yang gelap untuk keluar daripada badan pesakitnya.



Disebabkan itu, Ebru telah mencabar Faruk untuk menyembuhkan seorang pesakit yang bernama Kubra Duran, di mana dirinya telah didiagnosis menghidapi insomnia dan kecelaruan personaliti. Penyakit tersebut berpunca dengan trauma bioelektrik setelah Kubra tiba-tiba menikam mati suaminya pada malam sambutan perkahwinannya.

Seiring dengan perkembangan plot, Faruk mendapati bahawa Kubra telah pun terkena sihir yang dinamakan sihir janin, di mana Kubra telah pun disumpah sejak dalam kandungan ibunya Refika, dan rohnya akan dimakan oleh jin yang paling kejam pada malam hari jadinya yang ke-23.

Faruk mencuba sedaya upayanya untuk membebaskan Kubra daripada jin yang telah menetap dalam badannya, antaranya dengan membunuh jin yang bernama Sare. Hasilnya, Kubra dilihat semakin sihat selepas menderita selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun, perkara itu hanya bersifat sementara apabila Kubra tiba-tiba menjadi semakin teruk sehingga menyebabkan Ebru memarahi Faruk dengan menyatakan beliau ialah penipu dan menghantar Kubra ke hospital.

Filem ini mencapai klimaksnya apabila Ylyas Alodlu mendedahkan cerita sebenar, di mana ayah Kubra dan Ebru, Bilal Duran dan Remzi Karaduman telah pun disumpah oleh bangsa jin iaitu bangsa Suzula kerana membunuh Sare setelah Sare membantu mereka berdua mencari harta karun. Perkara inilah yang menyebabkan kedua-dua menjadi kaya dalam masa yang singkat walaupun mereka merupakan orang yang miskin. Sebagai balasan dendam atas perbuatan Bilal dan Remzi, jin Suzula mahukan badan Kubra untuk dibawa ke alam mereka.

Walaupun bagaimanapun, keseluruhan plot filem ini merupakan rancangan Refika dan kakak Kubra, Esra bagi memperdayakan Ebru agar datang ke sini kerana mereka berdua mahu menawarkan badan Ebru sebagai gantian Kubra yang telah menderita sekian lama. Faruk yang mengetahui rancangan jahat mereka berdua telah dicerderakan teruk apabila terjatuh ke dalam sebuah perigi lama yang dijadikan perangkap.

Perbuatan Refika dan Esra sebenarnya manifestasi dengki dan dendam kepada Ebru yang telah pun menikmati kehidupannya, sedangkan Kubra menderita akibat perbuatan kedua-dua ayah mereka. Ebru telah pun ditanam hidup-hidup, dan perlahan-lahan jasadnya diambil oleh jin Suzula sebagai balasan dendam dan gantian Kubra.

Faruk akhirnya menderita amnesia disebabkan kecederaan yang teruk di kepala dan tempatnya disembunyikan oleh keluarganya. Sehingga hari ini, tiada sesiapa pun yang berjaya mengesan kedudukan Refika, Esra dan Kubra. Bahkan tiada seorang pun daripada penduduk tempatan yang membuat laporan rasmi berkaitan nasib Ebru.



Metodologi

Kajian ini menggunakan analisis kandungan secara kualitatif. Filem Dabbe: The Possession (2013) arahan Hasan Karacadag telah dipilih sebagai sampel kajian.

Filem ini telah dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria utama pengkaji memilih filem ini kerana merupakan filem seram yang mengandungi unsur Islam, terutamanya kehadiran jin yang ditonjolkan sebagai makhluk yang menakutkan sebagaimana yang dijelaskan oleh Deniz Faruk Erkan. Penontonan filem kajian telah dijalankan pada 31 Disember 2021. Pengkaji telah menonton filem Dabbe: The Possession (2013) yang berdurasi selama dua jam empat belas minit sebanyak tiga kali. Oleh itu, jumlah masa yang diperuntukkan pengkaji dalam proses pengkodan data melalui penontonan filem ialah selama tiga jam. Perkara ini bertujuan bagi pengkaji memahami keseluruhan jalan cerita dan mengenal pasti ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam sebagaimana yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb (t.th) terhadap tema filem ini.

Data-data yang diperolehi disokong oleh sumber Al-Quran dan hadis Nabi Muhammad S.A.W yang diambil daripada buku Sahih Bukhari. Hal ini kerana bersama dengan Sahih Muslim kedua-duanya merupakan buku yang lebih tepat selepas Al-Quran sebagaimana dipersetujui oleh para ulama umat Islam (Taufiq Hamid, 2017). Walau bagaimanapun, pengkaji akan meletakkan hadis-hadis yang bukan daripada buku Sahih Bukhari sekiranya dirasakan perlu.

Pengkaji memfokuskan ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam bagi filem Dabbe: The Possession (2013) dalam aspek tema sahaja. Oleh itu, sebanyak tiga buah tema telah dipilih seperti jadual berikut:

Jadual 1: Kod ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam terhadap tema

Tema	Kod kategori
Tema 1: Manusia lebih jahat daripada jin	T1
Tema 2: Kasih sayang yang membawa dengki dan dendam	T2
Tema 3: Kesilapan yang tidak boleh dibaiki	T3

Setiap tema ini akan dikritik dengan dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb (t.th) iaitu ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam, bersama sokongan daripada ayat Al-Quran dan juga hadis daripada buku Sahih Bukhari dan selainnya jika dirasakan perlu. Proses analisis yang dijalankan adalah seperti dalam gambar rajah berikut:



Gambar rajah 1: Proses pelaksanaan kajian



Dapatan

Pembinaan tema dalam sesebuah karya sastra oleh pembuatnya merupakan perkara terawal yang diberikan perhatian kerana ia bertindak dalam menyampaikan sesebuah fikrah atau buah fikiran yang nyata, selain ia bertindak sebab paksi yang menukikan hala tuju karya sastra tersebut (Linda Cowgill, 2012).

Atas dasar itulah, Muhammad Athari Basir (2021) menyatakan bahawa walaupun pada awalnya filem seram memfokuskan kepada sifat takut yang terdapat dalam diri manusia, namun perletakan tema dalam filem seram sangat penting agar para penontonnya dapat memahami apa yang mahu disampaikan oleh pengarah filem tersebut dengan fahaman yang betul.

Walaupun pengkaji mendapati wujudnya pelbagai tema yang menjadi paksi dalam penukilan hala tuju filem *Dabbe: The Possession* (2013) ini, namun pengkaji hanya memfokuskan kepada tiga tema sahaja yang mahu disampaikan oleh pengarahnya, Hasan Karacadag.

Tema pertama dalam filem *Dabbe: The Possession* (2013) ialah kejahatan manusia yang melebihi kejahatan jin. Meskipun filem ini menunjukkan kejahatan jin seperti antaranya merasuki badan manusia sehingga membuatkan diri mereka menderita sebagaimana yang dilalui oleh Kubra, namun tema ini ditunjukkan dengan jelas melalui kenyataan Kubra yang memberitahu Faruk bahawa Sare merasuki badannya sebagai *an eye for an eye*, yang merujuk kepada balasan perbuatan ayah Kubra dan Ebru yang membunuh Sare sebaik sahaja menjumpai harta karun, walaupun dibantu oleh Sare sendiri. Sekiranya mereka berdua tidak membunuh Sare, wujudnya kebarangkalian mereka tidak akan disumpah oleh jin Suzula dan badan Kubra atau Ebru tidak perlu dijadikan sebagai gantian kejahatan mereka.

Tema kedua pula ialah kasih sayang keluarga sehingga membawa kepada wujudnya dengki dan dendam. Tema ini dinyatakan melalui perbuatan Refika dan Esra yang berkomplot bagi membawa Ebru datang kepada mereka, kerana mereka mahu menukar badan Kubra yang diduduki oleh jin Suzula dengan gantian badan Ebru. Menurut Refika, hal ini kerana Ebru telah pun menikmati kehidupannya sedangkan Kubra pula yang menderita akibat perbuatan kedua-dua ayah mereka. Oleh sebab itulah, Refika tegar melakukan perkara tersebut bagi menyelamatkan anaknya. Esra juga



menyatakan bahawa kini tiba pula giliran Ebru untuk mengalami penderitaan Kubra agar mereka berdua boleh hidup dengan bahagia.

Tema ketiga ialah kewujudan beberapa kesilapan yang tidak dapat boleh dibaiki, sehingga menyebabkan pelakunya tidak dapat berbuat apa-apa dan terpaksa menghadapi implikasi kesilapannya. Tema ini diperlihatkan pada akhir filem ini apabila Ebru terpaksa menghadapi implikasi dikebumikan hidup-hidup dan badannya dibiarkan menjadi gantian bagi menyelamatkan Kubra yang telah menderita sekian lama akibat kesilapan kedua-dua ayah mereka yang membunuh Sare. Meskipun kehadiran Faruk yang dilihat berjaya menyelamatkan Kubra pada awalnya, namun masalah tersebut dilihat tidak dapat diselesaikan melainkan dengan hanya gantian korban jiwa.

Perbincangan

Dalam bukunya yang bertajuk *Manhaj Al-Fan Al-Islami*, Muhammad Qutb telah mencadangkan beberapa dasar kritikan sastra Islam, antaranya ialah ketepatan seni dan akhlak dalam kreativiti sastra Islam.

Ketepatan seni dan akhlak dalam kreativiti sastra Islam bermaksud, seseorang pengamal sastra Islam itu perlulah menyediakan karya sastra yang benar dan tidak terpesong daripada ajaran Islam yang mementingkan kebenaran meskipun karya tersebut dibina berdasarkan daya kreativitinya sendiri. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sastra Islam bukanlah sebuah sastra yang jumud, namun boleh bervariasi dan berevolusi mengikut peredaran zaman sastra asalkan daya kreativiti yang ada tidak bercanggah dengan Islam.

Oleh yang demikian, ketepatan seni dalam kreativiti sastra Islam sebagaimana yang dicadangkan dalam dasar kritikan sastra Islam menurut Muhammad Qutb terhadap tema filem Dabbe: The Possession (2013) adalah seperti berikut:

T1: Manusia lebih jahat daripada jin

Masyarakat sering diperdengarkan dengan kata-kata bahawa ada sebahagian manusia yang berkelakuan jahat melebihi jin dan syaitan. Kata-kata ini dipetik berdasarkan kisah Firaun yang mengaku sebagai Tuhan sebagaimana yang dikisahkan dalam ayat ke-24 dalam Surah Al-Nazi'at, sedangkan Iblis tidak sesekali pun pernah mengaku sebagai Tuhan.

Kisah ini dinukilkan oleh Sihab Al-Din Ahmad Salamah (2013) dalam bukunya yang bertajuk *Nawadir Al-Qalyubi*, di mana dalam kisah yang ke-61 dalam buku tersebut beliau menceritakan pengakuan Iblis terhadap Firaun yang telah pun mendahului dirinya dalam keberanian mengaku sebagai Tuhan meskipun Iblis jauh lebih tua, banyak ilmunya dan lebih hebat daripada Firaun.

Oleh sebab itu, kejahatan Firaun yang tegar mengaku sebagai Tuhan ketika mana Iblis sendiri pun tidak melakukannya menjadi satu sandaran bahawa manusia jauh lebih jahat daripada jin dan syaitan. Hal inilah yang membawa kepada perletakkan tema manusia lebih jahat daripada jin



sebagaimana yang ditampilkan melalui perbuatan ayah Kubra dan Ebru yang membunuh Sare selepas berjaya menjumpai harta karun, meskipun selepas dibantu oleh Sare sendiri.

Bahkan dari satu sudut pandang, perbuatan jin Suzula yang membalas dendam dengan menyumpahi Bilal dan Rezmi dengan kematian pada hari kelahiran anak mereka berdua, merasuki tubuh Kubra dan mengambil tubuh Ebru sebagai gantian merupakan balasan atau *an eye for an eye* menguatkan lagi tema bahawa apabila manusia mahu membuat kejahatan, kejahatan mereka jauh melebihi kejahatan jin dan syaitan.

Hakikatnya, perkara ini tidak benar kerana Allah S.W.T telah memuliakan manusia melebihi sebarang makhluknya termasuklah jin, sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

(Surah Al-Isra', ayat ke-70)

Kejahatan yang dilakukan oleh Bilal dan Rezmi yang tegar membunuh Sare dan juga pengakuan Firaun sebagai Tuhan sebenarnya merupakan kejayaan Iblis dan konco-konconya dalam menghasut umat manusia agar membuat kejahatan. Oleh sebab itulah, syaitan dimusuhi kerana kejahatan mereka yang nyata sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُبِينًا

Terjemahan: Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang Mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

(Surah Al-Isra, ayat ke-53)



T2: Kasih sayang yang membawa dengki dan dendam

Keseluruhan plot filem Dabbe: The Possession (2013) ini merupakan komplot Refika dan Esra dalam memperdayakan Ebru agar datang kepada mereka, supaya mereka boleh menggantikan tubuh Kubra yang diduduki jin Suzula dengan tubuh Ebru.

Walaupun perbuatan Refika dan Esra ini tidak bersifat keperimanusiaan di mana keduanya tegar mengurung Ebru ke dalam sebuah keranda dan kemudiannya mengebumikan Ebru hidup-hidup, namun kejahatan ini didasari dengan kasih sayang Refika sebagai seorang ibu dan Esra sebagai seorang kakak yang tidak sanggup melihat Kubra terus menderita sekian lama. Kasih sayang tersebut akhirnya membuahkan dengki dan dendam kepada Ebru yang hidup bersenang-lenang dan berjaya mengecapi pelbagai kejayaan, sedangkan Kubra menderita bertahun-tahun.

Meskipun begitu, niat baik Refika dan Esra yang mahu membebaskan Kubra atas dasar kasih sayang kekeluargaan sehingga sanggup membunuh bukanlah sesuatu perkara yang diiktiraf dalam Islam, kerana niat yang baik tidak menghalalkan cara.

Nabi S.A.W bersabda dalam Hadis Sahih Bukhari:

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأَنْصَارِيُّ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصٍ اللَّيْثِيَّ يَقُولُ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ « إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ »

Terjemahan: Alqamah bin Waqash Al-Laitsi berkata: "Saya pernah mendengar Umar bin Al-Khattab di atas mimbar berkata: "Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang (tergantung) apa yang diniatkan; Barang siapa niat hijrahnya kerana dunia yang ingin digapainya atau kerana seorang perempuan yang ingin dinikahnya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia diniatkan".

(Hadis Sahih Bukhari Jilid 1, nombor 1)

Dr. Yusuf Al-Qardhawi mensyarahkan hadis ini dalam bukunya *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Islam*, di mana Islam tidak meredai sesebuah cara atau wasilah yang dilakukan secara haram demi mencapai matlamat yang bagus. Bahkan beliau juga menyatakan dengan jelas bahawa syariat tidak mengiktiraf istilah "niat menghalalkan cara" atau disebut *al-ghoyah tubarriru al-wasilah*.



Oleh sebab itu, walaupun sejauh mana filem ini memaparkan tema perbuatan jahat yang dilakukan oleh Refika dan Esra, di mana ia didasari atas niat kasih sayang kekeluargaan yang hadir bersama dengki dan dendam kepada Ebru yang telah menikmati kehidupannya atas penderitaan Kubra, namun Islam jelas mengharamkan segala bentuk perbuatan haram meskipun dihalusi dengan niat yang halal.

T3: Kesilapan yang tidak boleh dibaiki

Filem Dabbe: The Possession (2013) berakhir dengan tragis, di mana Ebru dibiarkan ditanam di dalam tanah hidup-hidup. Sambil menyebut nama Allah S.W.T, Ebru meronta-ronta meminta pertolongan apabila dirinya tidak dapat bernafas disebabkan kehilangan udara, dan seekor ular yang merupakan jelmaan jin Suzula telah pun menjalar di atas badannya. Meskipun begitu, tiada sesiapa pun yang tampil menyelamatkannya.

Watak Faruk yang hadir sepanjang filem ini dilihat pada awalnya mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Kubra, dan menamatkan sumpah jin Suzula yang membelenggu Kubra dan Ebru atas kesilapan yang dilakukan oleh kedua-dua ayah mereka. Pengharapan yang diberikan kepada penonton filem ini untuk melihat Faruk menyelesaikan kemelut ini ditunjukkan dalam kejayaan Faruk mengubati pesakitnya di awal filem, dan berjaya mengubati Kubra pada kali pertama.

Bahkan, kejayaan Faruk dalam mengubati Kubra sedikit sebanyak berjaya menghadirkan kepercayaan Ebru terhadap entiti para normal apabila dirinya terkejut mendapati tekanan darah dan denyutan jantung Kubra kembali normal, di samping loya dan demamnya telah pun hilang. Kubra juga menyatakan bahawa selepas sekian lama, dirinya tidak lagi merasai kehadiran jin dalam badannya dan berasa sangat selesa.

Walau bagaimanapun, Faruk tidak berjaya menyelesaikan kemelut ini meskipun dirinya mengetahui niat dan perbuatan jahat Refika dan Esra daripada Ylyas. Apabila dirinya bergegas untuk menyelamatkan Ebru, Faruk telah pun terjatuh ke dalam perigi lama yang dijadikan perangkap, dan akhirnya menderita amnesia disebabkan perbuatan Refika dan Esra yang melemparkan beberapa ketul batu yang besar ke atas kepalanya dari atas perigi tersebut.

Tidak cukup dengan kegagalan Faruk dalam menyelesaikan kemelut itu, filem ini juga berakhir dengan kejayaan Refika dan Esra dalam memberikan tubuh Ebru kepada jin Suzula sebagai gantian ke atas tubuh Kubra, dan kemudiannya hilang tanpa dapat dijejaki. Bahkan nasib Ebru tidak diketahui serta tiada sebarang laporan rasmi yang dibuat oleh penduduk tempatan mengenai.

Dari satu sudut pandang, perbuatan yang dilakukan oleh Refika dan Esra ini dilihat sebagai satu-satunya cara untuk menamatkan penderitaan yang dialami oleh Kubra. Perkara tersebut dipaparkan seolah-olah tiada cara lain yang boleh dilakukan dalam memperbaiki kesilapan yang dilakukan oleh Bilal dan Remzi, melainkan dengan hanya mengorbankan nyawa Ebru yang tidak bersalah.



Hakikatnya, adalah mustahil penyakit yang dihadapi oleh Kubra tidak boleh diubati dengan cara yang lain kerana setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah S.W.T hadir bersamanya penawar sebagaimana sabda Nabi S.A.W dalam Hadis Sahih Bukhari:

... عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Terjemahan: Dari Abu Hurairah R.A, Nabi S.A.W bersabda: “Allah tidak akan menurunkan penyakit melainkan menurunkan ubatnya juga.”

(Hadis Shahih Bukhari Jilid 9, nombor 5246)

Selain itu, perbuatan Refika dan Esra yang mengorbankan Ebru kepada jin Suzula bagi menyelamatkan Kubra merupakan tegahan Nabi S.A.W yang melarang umatnya berubat dengan sesuatu yang haram, sebagaimana sabda Baginda dalam Sunan Abi Daud:

... عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Terjemahan: Dari Abu Ad-Darda ia berkata, Rasulullah S.A.W bersabda: “Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan menjadikan bagi setiap penyakit terdapat ubatnya, maka berubatlah dan jangan berubat dengan sesuatu yang haram!”

(Sunan Abi Daud Jilid 10, nombor 3852)

Selain itu juga, kesilapan Bilal dan Remzi yang dilihat tidak boleh dibaiki langsung dikukuhkan dengan kekalahan Faruk dalam menyelesaikan kemelut yang terhasil daripada kesilapan mereka sehingga menderita amnesia di akhirnya. Perkara ini dilihat seakan-akan menyatakan bahawa kebatilan akan tetap menang di akhirnya meskipun Faruk yang merupakan watak *haq* telah pun hadir bagi menyelesaikan kemelut tersebut.

Kemenangan *batil* ke atas *haq* di akhirnya bertentang dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Isra', ayat ke-81:

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

Terjemahan: Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara



mereka (yang Mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

(Surah Al-Isra, ayat ke-81)

Oleh yang demikian, tema sebegini perlulah dielakkan kerana ia berpotensi dalam menyampaikan kefahaman yang salah kepada para penonton Muslim khususnya, apatah lagi berkenaan kejahatan akan tetap menang di akhirnya disebabkan kekuatannya yang melebihi kebaikan, sebagaimana Refika dan Esra yang tetap akur dengan kekuatan jin Suzula sehingga sanggup mengorbankan Ebru dan hampir membunuh Faruk, sehingga membawa kepada kekalahan Faruk dan menghadapi amnesia di akhir filem.

Kesimpulan

Filem Dabbe: The Possession (2013) merupakan antara bukti bahawa filem seram yang dimasukkan elemen-elemen Islam atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah pun keluar daripada klise filem seram terdahulu yang hanya mementingkan kewujudan entiti para normal yang menyeramkan dan *jump scare* sahaja. Bahkan, terkandung dalam filem ini beberapa pengajaran dan nilai murni yang berkemungkinan merupakan kritikan sosial terhadap masyarakat Turki yang suka mengamalkan ilmu hitam, sihir dan pergantungan kepada jin untuk menjadi kaya dengan segera. Di samping itu, babak dakwah *Hoca* Faruk Akat yang menyeru kepada wanita-wanita tempatan selepas mengubati pesakitnya yang dirasuki jin 1300 tahun agar tidak melibatkan diri dengan perkara-perkara tahayul seperti penggunaan mantera dan tangkal serta terlibat dalam penggunaan ilmu hitam sememangnya memiliki kriteria sebagai salah satu daripada naskhah filem Islam, kerana mengingatkan para penonton Muslim khususnya agar menjauhi perkara tersebut disebabkan bakal menghadapi penderitaan di dunia dan di akhirat. Meskipun begitu, kewujudan tiga tema yang dilihat pengkaji bertentangan dengan ketepatan seni dalam kreativiti sastera Islam walaupun tersulam di sebaliknya kebaikan, sebagai contoh kasih sayang Refika dan Esra yang mahu menyelamatkan Kubra sehingga sanggup mengebumikan Ebru hidup-hidup, berpotensi menyebarkan fahaman yang salah kepada para penonton Muslim khususnya sehingga berpendapat perbuatan yang bersifat haram boleh dilakukan selagi mana dilakukan atas niat yang suci. Begitu juga kekalahan Faruk serta keakuran Refika dan Esra kepada jin Suzula yang hadir daripada perlambangan tema kesilapan Bilal dan Remzi yang tidak dapat diubah mampu menyebabkan para penonton memahami konsep kejahatan akan sentiasa menang dan tidak dapat dikalahkan oleh kebaikan. Kehadiran ketiga-tiga tema ini mampu mengeluarkan filem Dabbe: The Possession (2013) daripada pengiktirafannya sebagai naskhah filem Islam, meskipun terkandung elemen-elemen Islam dan nilai dakwah yang baik. Oleh sebab itulah, perkara ini perlu diambil perhatian oleh mana-mana pengarah Muslim yang mahu membikin filem seram yang berunsurkan Islam, agar ia boleh digarap dengan sempurna.



Rujukan

- Al-Quran.
- Abu bin Bathol. (2000). *Syarh Shahih Bukhari*. Maktabah Ar-Rushd.
- Abu Tyyib Muhammad Shams. t.th. 'Aun Al-Ma'bud 'Ala Sunan Abi Daud. Beirut: Dar Al-Kotob Al-'Ilmiyah.
- Ahmad bin Ali. (2009). *Fathul Bari Bi Syarhi Al-Bukhari*. Maktabah Wa Matba'ah Musthofa Al-Baabi Al-Halbi.
- Deniz Faruk Erkan. (2015). *Dabbe: A Case of Jinn Through the Through the Psychoanalytic Perspectives of Freud, Creed, Kristeva, and Its Comparison to The Exorcist*. https://www.academia.edu/20359765/Dabbe_A_Case_of_Jinn_Through_the_Psychoanalytic_Perspectives_of_Freud_Creed_Kristeva_and_Its_Comparison_to_The_Exorcist Diakses pada: 17 Februari 2022
- Linda Cowgill. (2012). *Fan Rosm Al-Habkah As-Sinimaiyyah* (terj). Damsyik: Fi Al-Jumhuriyah Al-'Arabiah As-Shuriyah.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2021). Penunggang Agama: Wajarkah Diklasifikasi Sebagai Filem Islam? *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu 2021*. Sintok: Universiti Utara Malaysia (ms 437-447).
- Muhammad Athari Basir. (2021). An-Naqdu Al-Adabi Al-Islami Li Anasir Filam Ar-Ru'bi: Dirasat Muwazanah Baina Filamaini "Munafik 2" (2018) Wa "Makmum" (2019) (Disertasi Sarjana). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Athari Basir. (2021). Ketepatan Seni Kreativiti Sastera Islam dalam Tema Filem Seram: Dabbe The Possession (2013). *Kolokium Siswazah dan Prasiswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam*. <https://www.youtube.com/watch?v=H007rBmvqtw>. Diakses pada: 20 Januari 2022
- Muhammad Athari Basir. (2021). Kritikan Sastera Islam Terhadap Filem Seram: Analisis Watak Utama Filem Munafik 2 (2018) Dan Makmum (2019). *Seminar Pengajian Antarabangsa Kontemperi Islam*. Shah Alam: Universiti Tekonolgi Mara.
- Muhammad Muhaimin Zainal Abidin & Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). Analisis Mesej Dakwah Dalam Filem Munafik (2016). *Fikiran Masyarakat* (ms 23-29).
- Muhammad Qutb. t.th. Manhaj Al-Fan Al-Islami. Berut: Dar Asy-Syuruq.
- Muhammad Walid Jida'. t.th. *Al-Mauqif Min Sinima Islamiyah*. Al-Manshur: Dar Al-Wafa' Lil Thobi'ah Wa An-Nasr Wa At-Tauzi'.
- Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam: Satu pembicaraan*. Shah Alam: Penerbit Uni-N Production Sdn Bhd.
- Sihab Al-Din Ahmad Salamah. (2013). *Nawadir Al-Qalyubi*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-'Ilmiyah.
- Siti Aisyah Hadi Munir & Muhammad Faisal Ashaari. (2015). Kesan Filem Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur. *Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taufiq Hamid. (2017). *Hal Shohihul Bukhari Haqqan?* <https://www.alhurra.com/different-angle/>. Diakses pada: 20 Januari 2022



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة وعلوم الإجتماعية

E-ISSN: 2948-3964, Vol. 1, No. 1, 2022, pp. 19-33

Vali Gjinali & Elif Asude Tunca. (2020). A General Look on the Impact of Turkish Horror Movies: An Exploratory Study on the Opinions of Youth on Horror Movies. *SAGE Open* (ms 1-11).
Yusuf Al-Qardhawi. (2012). *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Islam*. Al-Qaherah: Dar Al-Kotob Al-Mesriyah.

** Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on LPS Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. LPS Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*